

Masih belum terlambat untuk menderma!

DI MALAYSIA, beban isu penyakit buah pinggang dalam kalangan penduduk terus meningkat – dengan lebih daripada 5,000 kes baharu didiagnosis setiap tahun. Selama lebih dari 46 tahun, Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia telah membantu pesakit yang mengalami kegagalan buah pinggang di Malaysia, di samping meningkatkan kesedaran mengenai penyakit buah pinggang.

Kini NKF yang membantu lebih 1,600 pesakit setiap tahun memerlukan sebanyak RM30 juta dana setiap tahun. Jika anda telah berfikir untuk menyumbang kepada NKF, anda masih berpeluang untuk membantu NKF dengan menghulurkan sumbangan melalui Pusat Perubatan Sunway sehingga hari ini (6 Mac).

“Bersempena dengan Hari Diabetes Sedunia 2015 oleh Pusat Perubatan Sunway, kami bertumpu kepada hubungan di antara diabetes dan kegagalan buah pinggang. Oleh itu, kami memilih NKF sebagai penerima manfaat dalam inisiatif pengumpulan dana kami.

“Bagi setiap ringgit yang didermakan oleh orang ramai untuk NKF melalui Kempen *#30DaystoHappyKidneys*, kami akan menyumbangkan jumlah yang sama. Untuk membolehkan lebih ramai orang menderma, pengumpulan dana ini telah dilanjutkan sehingga 6 Mac ini, dari tarikh tutup awal 17 Januari 2016.

“Dengan setiap sumbangan yang anda buat melalui kempen kami, NKF dan pesakitnya mendapat dua kali ganda dana,” kata Nadiah Wan, Penggerusi Pengajur, kempen *#30DaystoHappyKidneys*.

NKF memerlukan hampir RM15 juta setahun untuk subsidi dialisis sahaja, yang mana setiap pesakit akan menjalani sebanyak tiga kali seminggu untuk sepanjang hidup. RM15 juta lagi diperlukan setiap tahun bagi kos operasi 27 pusat NKF di seluruh negara, serta menyokong program pendidikan awam, sumbangan kebajikan kepada pesakit miskin tegar dan anak-anak mereka, latihan profesional untuk kakitangan, pengangkutan untuk pesakit, dan penggantian peralatan.

Orang ramai boleh menderma di Pusat Perubatan Sunway atau melalui talian di <http://www.peoplegiving.org/campaign-page?campId=174> menggunakan kad kredit atau kad debit, atau akaun Maybank2u dan CIMB Clicks.